

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO SERI ZAHID BIN HAMIDI  
[BAGAN DATUK]**

**SOALAN NO. 104**

**DATO SERI ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak tahun 2018, berapa jumlah syarikat Malaysia yang telah dibantu melalui MATRADE untuk memperluaskan pasaran mereka ke peringkat antarabangsa serta apakah antara produk utama yang berjaya dipasarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2018, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah membantu lebih daripada 26,000 syarikat Malaysia untuk menerokai serta memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara melalui pelbagai program promosi eksport dan program pembangunan pengeksport anjuran MATRADE.
2. Produk utama yang berjaya dipasarkan adalah produk dari sektor Minyak & Gas (O&G), Elektrik & Elektronik (E&E), Aeroangkasa, Automotif, ICT, Penjagaan Kesihatan, Bahan Binaan serta Perkhidmatan Pembinaan, Gaya Hidup dan Makanan & Minuman (F&B).
3. Bagi meningkatkan usaha pemasaran produk-produk ini, dalam tempoh tersebut MATRADE telah menganjurkan sebanyak 148 program promosi eksport yang melibatkan syarikat Malaysia di dalam pelbagai program seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Akselerasi Eksport, Program Penyumberan Antarabangsa, Promo Booth, dengan izin serta Program Promosi Malaysia.

Sekian, terima kasih.